



Ruj. Kami : JPNPs.600-2/1/10 ()
Tarikh : 8 September 2023

Prof. Ts. Dr. Faidz Abd Rahman

AJK KLESF 2023

Naib Presiden

R&D dan Pengkomersilan

Universiti Tunku Abdul Rahman

43000 Kajang

Selangor

YBrs. Prof.,

KEBENARAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID DALAM PROGRAM KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCES FAIR (KLESF) THE FAIR AND 17TH MALAYSIA FESTIVAL OF THE MIND (MFotM) 2023

Dengan segala hormatnya surat daripada YBrs. Prof. yang bertarikh **1 September 2023**, adalah dirujuk dan berkaitan (**seperti di lampiran**).

2. Setelah meneliti surat YBrs. Prof., Jabatan Pendidikan Negeri Perlis **tiada halangan** untuk membenarkan penyertaan murid dan guru dalam pertandingan tersebut. Walau bagaimanapun, penyertaan tersebut adalah **terhad dan bergantung kepada persetujuan dan kebenaran pihak sekolah dan ibu bapa** serta tertakluk kepada *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5 Tahun 2018 Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*.

3. Pihak YBrs. Prof., juga hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti ketetapan berikut:

- 3.1 Mendapat persetujuan Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat;
- 3.2 Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.3 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan atau tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4 Tiada unsur paksaan terhadap guru dan murid untuk menyertai program berkenaan serta mematuhi *Surat Siaran KPM Bil.2 Tahun 2016 Peringatan Lima Hari Bekerja Seminggu* dimana hari Sabtu yang dibenarkan iaitu sabtu minggu kedua dan keempat sahaja. Tiada sebarang aktiviti dan mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan pada hari sabtu minggu pertama, ketiga dan kelima;
- 3.5 Guru pengiring hendaklah bersama murid sepanjang program berlangsung (jika berkaitan);
- 3.6 Penglibatan murid mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga dan tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.7 Tiada melibatkan implikasi kewangan terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah;

- 3.8 Semua pihak diminta memastikan murid yang terlibat mempunyai perlindungan insuran Takaful, serta mematuhi *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3 Tahun 2019 Prosidur Operasi Standard (SOP) Penggunaan Kenderaan Sendiri Oleh Guru Untuk Membawa Murid Bagi Urusan Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (jika berkaitan)*;
- 3.9 Memastikan keselamatan guru dan murid diberi keutamaan;
- 3.10 Mematuhi Prosidur Operasi Standard (SOP) seperti yang terkandung dalam *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9 Tahun 2000 Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Serta Aktiviti Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah* sebelum, semasa dan selepas program serta hendaklah didokumenkan dan ditaklimatkan kepada semua peserta;
- 3.11 Mematuhi Prosidur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- 3.12 Memastikan penglibatan murid dalam program ini mendapat **pengiktirafan PAJSK** daripada BSKK, KPM, dan
- 3.12 Memberikan **data penglibatan murid dan guru negeri Perlis** yang terlibat dalam program ini berserta **satu salinan laporan lengkap** selepas pelaksanaan program ini

4. Kebenaran ini adalah hanya untuk memberi kebenaran penglibatan guru/murid serta tertakluk kepada perincian seperti dalam permohonan YBrs. Prof. Selain itu, JPN Perlis khususnya Unit Pembangunan Bakat Murid juga mengharapkan penyertaan dan penglibatan guru serta murid dalam program ini **tidak memberi implikasi kewangan** kepada pihak **Kementerian Pendidikan Malaysia** dan **Jabatan Pendidikan Negeri Perlis** mahupun kepada **pihak sekolah**. Sebarang risiko berkaitan keselamatan murid dan guru serta implikasi kewangan adalah di bawah tanggungjawab pihak sekolah.

5. Sebarang pertanyaan, YBrs. Prof. boleh terus menghubungi **En. Mohd Shaifulazhar bin Awang** Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis di talian **013-683 1886**.


Kerjasama dan komitmen daripada YBrs. Prof. amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI CHE RASAI BIN CHE YOB)
Timbalan Pengarah
(Pembangunan Murid)
b.p Pengarah Pendidikan Perlis